

PENGARUH AL-TAŞARRUFĀT AL-NABAWIYYAH TERHADAP PERINCIAN SIFAT-SIFAT SUNNAH NABAWI
(THE EFFECT OF PROPHETIC BEHAVIOUR ON THE SUNNAH CHARACTERISTIC
DETAIL)

Ahmad Akram Mahmud Robbi (Corresponding author)
Faculty of Islamic Studies, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)
Email: akramrobby@kuips.edu.my

ABSTRACT

The Prophetic sunnah is the most pivotal source after the Holy Quran. Muslim scholars agree that there has no doubt on dealing with the sunnah as source of jurisprudence. There are, however, disputations among the scholar when it comes to discussing the understanding of sunnah textual. This disputation has caused the varied maddhab in Islam. One of the reason of this disputations is the variety of the tasarrufat nabawiyyah in the Prophetic speeches. Hence, it should not be allowed to put the speechees into the static comprehension. The difference of the Prophetic behaviour causes disputation among the scholars in terms of their understanding. Applying a qualitative research methodology, the author discusses on how this Prophetic behaviour could influence the Shariah ruling based on speeches, practice and agreement of the Prophet. The author views that there is correlation between the tasarrufat nabawiyyah and the Prophetic textual.

Keywords: Tasarrufat, hadith, maddhab, Shariah ruling.

PENGENALAN

Ilmu hadis secara umumnya dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu ilmu *riwāyaṭ* dan ilmu *dirāyaṭ*. Menurut al-Khayruābādī (2015), ilmu *riwāyaṭ* menyentuh aspek *rāwī* dan *marwī* (hadis), sementara ilmu *dirāyaṭ* satu disiplin khusus yang mengkaji makna hadis atau meneliti kehendak hadis melalui kaedah bahasa Arab. Menerusi cabang ilmu *dirāyaṭ*, para sarjana klasik telah menamakan satu istilah khusus merujuk kepada perbahasan penelitian makna hadis atau disebut sebagai *fiqh al-hadith* yang dinamakan sebagai *al-taşarrufāt al-nabawiyyah*.

Sebagai salah satu usaha memahami hadis Nabi SAW, para sarjana mengetengahkan teori *al-taşarrufāt al-nabawiyyah* dengan memperincikan ucapan, perbuatan atau *taqrīr* Baginda SAW mengikut sifat atau situasi tertentu bersesuaian dengan konteks hadis tersebut. Dengan itu,

perincian seperti penentuan sesebuah hadis itu bersifat *tashrī* atau tidak *tashrī* antara yang turut dibahaskan dalam teori ini.

Sebahagian sarjana semisal al-Qāḍī ‘Iyāḍ, Ibn Qutaybah al-Dinawari, Shihāb al-Dīn al-Qarafī bersetuju bahawa Nabi Muhammad SAW tidak hanya sekadar memiliki peranan sebagai rasul atau utusan yang menyampaikan risalah. Sebaliknya, mereka menyatakan bahawa selain berperanan sebagai rasul, Baginda SAW juga adalah mufti kepada para sahabat, hakim, pemimpin negara, ketua tentera, juga insan yang berjiwa manusiawi. Demikian itu, semua yang disebutkan ini memiliki pengaruh yang berbeza dan turut mempengaruhi ucapan, perbuatan dan *taqrīr* baginda SAW dalam sesebuah hadis.

Oleh kerana kefahaman terhadap ucapan Baginda SAW amat dititikberatkan, para sarjana mengetengahkan teori berkenaan sebagai langkah untuk mendorong masyarakat meneliti dan mengelakkan salah faham terhadap hadis-hadis baginda SAW. Demikian itu, meletakkan sesebuah hadis di atas neraca *al-taṣarrufāt al-nabawīyyah* membantu masyarakat meneliti kedudukan hadis baginda SAW dalam pensyariaan.

Pengenalan AL-TAṢARRUFĀT AL-NABAWIYYAH

DEFINISI AL-TAṢARRUFĀT AL-NABAWIYYAH

Al-‘Uthmani (2012) mentakrifkan *al-Taṣarrufāt al-Nabawīyyah* difahami sebagai perilaku secara umum yang terbit daripada ungkapan, perbuatan dan *taqrīr* Rasulullah SAW. Justeru, kepelbagaian peranan mampu menatijahkan hasil ijtihad yang berbeza oleh para sarjana yang berinteraksi dengan teks-teks hadis Nabi Muhammad SAW.

Setiap ucapan atau perbuatan Nabi Muhammad SAW tidak semestinya difahami secara pukal sebagai bersifat *tashrī* atau membicarakan hukum *Shara*. Demikianlah kepentingan untuk memahami *al-taṣarrufāt al-nabawīyyah* kerana hal ini mengetengahkan kefahaman teks-teks hadis mengikut konteks suasana atau masa sesebuah ucapan dilafazkan atau perbuatan tertentu dilaksanakan.

PERKEMBANGAN AL-TAŞARRUFĀT AL-NABAWIYYAH

Perkembangan perbincangan *al-taşarrufāt al-nabawīyyah* telah pun dibincangkan oleh sarjana klasik. Perbincangan berkenaan *al-taşarrufāt al-nabawīyyah* membawa pembaca hadis Nabi Muhammad untuk memahami maksud kalam Nabi Muhammad SAW.

Antara sarjana yang awal membincangkan isu kepelbagaian peranan Nabi Muhammad SAW ialah al-Qāḍī ‘Iyāḍ melalui karya “*al-Shifā bi Ta’rīf Ḥuqūq al-Muṣtafā*”. Kemudian, Ibn Qutaybah al-Dinawarī meneruskan perbincangan *al-taşarrufāt al-nabawīyyah* melalui penulisan “*Ta’wīl Mukhtalaḥ al-Ḥadīth*”. Selang beberapa kurun, tokoh mazhab Mālikī bernama Shihāb al-Dīn al-Qarāfī telah menyusun satu kaedah khusus *al-taşarrufāt al-nabawīyyah* di dalam karya “*al-Furūq*”. Al-Qarāfī telah menyebut secara jelas berkenaan pembahagian peranan Nabi Muhammad SAW dan setiap peranan memiliki impak yang berbeza pada hukum-hukum *Shara’*. Ulas al-Qarāfī:

“Ketahuilah bahawasanya Rasulullah SAW merupakan pemerintah yang agung, hakim pemutus hukum, mufti yang berpengetahuan, imam bagi segala imam, hakim bagi segala hakim dan guru kepada para ulama’. Setiap urusan agama telah Allah SWT sandarkan kepada risalah Baginda SAW. Baginda insan teragung yang memikul urusan agama ini sehingga tiba hari kiamat. Sebarang urusan agama yang dipikul Baginda SAW, maka itulah setinggi-tinggi kedudukan. Taşarrufnya (peranan) menyampaikan fatwa adalah yang dominan kerana risalah agama ini dominan dengan hal-hal fatwa (agama). Selain itu, terdapat beberapa peranan Baginda SAW yang lain, antaranya peranan sebagai penyampai risalah dan fatwa, pemutus hukum bagi dua orang yang sedang berselisih (plaintif dan defendan), pemerintah dan beberapa yang diperselisih oleh para sarjana akan kedudukannya.”

Selain sarjana klasik, perbincangan ini turut mendapat perhatian para sarjana semasa termasuklah Ibn ‘Āshūr (2004). Tidak sekadar membincangkan isu peranan Baginda SAW, beliau mengembangkan skop peranan Baginda SAW dengan lebih terperinci di dalam tulisannya berjudul “*Maqāsid al-Sharī‘ah al-Islāmiyya*”. Bahkan menurut beliau, kefahaman terhadap konteks lafaz pengucapan dan perbuatan yang datang daripada Baginda SAW perlu difahami dengan baik agar kefahaman terhadap kehendak *Shara’* tidak tersasar. Sebahagian sarjana kurang kefahaman terhadap konteks kata-kata Nabi Muhammad SAW dan penyampaian daripada Baginda SAW. Kesannya, akan berlaku kepincangan kepada hukum-hakam yang mereka istinbat daripada lafaz-lafaz Baginda SAW. Ijtihad mereka hanya terbina daripada

lahiriah ucapan Baginda SAW tanpa memandang kepada sebarang petunjuk, istilah khusus atau konteks, sedangkan perkara tersebut yang paling utama perlu dititikberatkan.

Sa'ad al-Dīn al-Uthmānī (2012) juga antara sarjana yang banyak menulis isu berkenaan peranan Nabi Muhammad SAW. Antara karya beliau yang membincangkan konsep peranan Nabi Muhammad SAW dan pengaruh terhadap ijtihad para sarjana yang berinteraksi dengan teks-teks hadis Rasulullah SAW. Antara karya beliau termasuklah "*al-Taṣarrufāt al-Nabawiah bi al-Imāmah*" dan "*al-Manhaj al-Wasat fi al-Ta'āmul ma'a al-Sunnah al-Nabawiah*".

Demikian beberapa penulisan sarjana yang terhasil bagi membincangkan sama ada secara umum atau khusus peranan-peranan Baginda SAW berdasarkan konteks tertentu. Konteks ini memberikan pencerahan tentang bagaimana untuk memahami Sunnah mengikut kefahaman yang lebih dekat dengan kebenaran. Daripada penulisan para sarjana ini, dapat disimpulkan bahawa terdapat lima peranan utama Nabi Muhammad SAW dan setiap daripada peranan tersebut memiliki kedudukan yang berbeza di sisi *Shari'ah*; *murshid*, *mufti*, *hakim*, pemimpin dan manusiawi.

KEDUDUKAN AL-SUNNAH SEBAGAI SUMBER PENSYARIATAN ISLAM PEMBAHAGIAN AL-SUNNAH

Para sarjana membahagikan *al-sunnah* kepada dua kategori utama. Pertama, *al-sunnah* yang bersifat *tashri'ī*. Ia menjelaskan hukum-hukum yang memiliki kedudukan khusus dalam *Sharī'at*. Menurut al-'Uthmānī (2012) *al-sunnah al-tashrī'īah* merupakan *tasarrufat* untuk diikuti dan dicontohi (Al-'Uthmānī, 2013) kerana ia merangkumi urusan akidah dan ibadah.

Al-Sunnah ghair al-tashrī'īah pula tidak menuntut umat agar mengikuti atau mencontohi sesuatu sunnah secara konsisten (Al-'Uthmānī, 2013). Pembahagian sunnah kategori ini termasuklah urusan Nabi SAW dalam hal-hal berkaitan uruf, adat masyarakat Arab seperti pakaian, makanan dan kaedah rawatan. Hal ini kerana Nabi S.A.W. dilahirkan dalam komuniti Arab yang memiliki kebudayaan tersendiri.

PENDEKATAN MEMAHAMI AL-SUNNAH

Pembahagian *al-sunnah* di atas bukanlah sesuatu yang asing. Para sahabat merupakan generasi terawal yang memahami bentuk al-Sunnah sama ada ia datang dalam bentuk *tashrīʿ* atau sebaliknya. Para sahabat sendiri berbeza pandangan dalam menentukan ijihad dalam sesuatu hukum dan perkara ini berlaku dalam era *nubuwwah*.

Muslim (2001) meriwayatkan kisah penangguhan solat sewaktu peristiwa Bani Quraizah. Berlaku perbezaan pendapat dalam kalangan sahabat disebabkan mereka berbeza pendekatan memahami bentuk arahan Rasulullah SAW. Sebahagian sahabat akur dengan sabdaan Baginda SAW supaya tidak solat kecuali di perkampungan Bani Quraizah. Manakala, sebahagian lagi telah menunaikan solat sebelum mereka tiba di perkampungan Bani Quraizah. Perkara ini disampaikan kepada Rasulullah SAW dan kedua-dua ijihad mereka diraikan oleh Baginda.

Kedua-dua ijihad tersebut adalah disebabkan oleh pendekatan yang berbeza dalam memahami teks-teks hadis Nabi Muhammad SAW. Sebahagian pihak ingin menjadikan setiap apa yang disandarkan kepada *al-sunnah* bersifat *tashrīʿ* yang menuntut kepada komitmen untuk beramal dengannya di setiap masa, tempat dan keadaan walaupun *al-sunnah* tersebut terbina atas dasar eksperimentasi, adat atau suasana, bukan bertujuan sebagai tuntutan ibadah semata-mata kerana melihat Rasulullah SAW lakukan sedemikian. Para *muhaqqiq* ilmu *uṣūl al-fiqh* berpandangan bahawa hadis-hadis sedemikian tidak menjadi dalil kepada keharusan atau disyariatkan. Ia adalah sebuah kezahiran untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT (Al-Qarḍāwī, 2013).

SIFAT-SIFAT AL-SUNNAH DARI PERSPEKTIF AL-TASARRUFAT AL-NABAWIYYAH PERANAN NABI SEBAGAI MURSYID

Peranan Nabi SAW sebagai pembimbing dikategorikan sebagai pensyariatan yang bersifat umum. Ia bertujuan membimbing umat Islam beramal dengan adab yang baik, akhlak yang mulia, budi pekerti yang terpuji, membina suasana yang harmoni serta membimbing umat Islam mengatur urusan dunia mereka. Abū Dāud (2009) meriwayatkan daripada Jābir R.A. maksudnya: “*Bahawasanya Nabi Muhammad SAW melarang seseorang lelaki untuk memakai sandalnya dalam keadaan berdiri*”.

Sekiranya hadis di atas diletakkan dalam erti perintah Baginda SAW menyeru para sahabat melaksanakan ibadah khusus, ia membawa maksud kefarduan ke atas individu memakai sandal dalam keadaan duduk. Al-Khattābī (1932) menjelaskan faktor kestabilan dan kedudukan diambil kira dalam hal ini. Perintah Nabi SAW agar tidak memakai sandal dalam keadaan berdiri adalah kerana memakainya dalam keadaan duduk lebih memudahkan seseorang dan lebih menjadikannya mampu untuk menyempurnakan kerjanya.

Abū Dāud (2009) juga meriwayatkan daripada Abū Hurayrah RA, bahawasanya Nabi Muhammad SAW telah bersabda maksudnya: *“Janganlah kamu minum dalam keadaan berdiri, barang siapa yang meminumnya sedangkan dia terlupa, maka muntahkannya keluar.”* Perintah yang terdapat pada hadis tersebut merupakan satu didikan Baginda SAW kepada umatnya agar sentiasa menjaga adab meskipun dalam hal yang kecil. Justeru, al-Nawawī (1972) menegaskan hadis di atas merujuk kepada maksud *istihbāb*.

Selain itu, dalam riwayat lain menjelaskan bahawa ada ketika Nabi Muhammad SAW minum dalam keadaan berdiri. Hal ini seperti yang disebutkan oleh ‘Amrū bin Shu’aib, daripada ayahnya, daripada datuknya (Al-Tirmidhī, 2009):

رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ يَشْرَبُ قَائِمًا وَقَاعِدًا

Maksudnya: *Saya pernah melihat Rasulullah SAW minum dalam keadaan berdiri dan dalam keadaan lainnya, Baginda minum dalam keadaan duduk.*

Contoh lain menjelaskan adab-adab yang ditekankan oleh baginda antaranya riwayat Abū Juhaifah RA, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda (Al-Bukhārī, 2009):

لَا أَكِلُ مُتَّكِئًا

Maksudnya: *Aku tidak makan dalam keadaan berbaring sebelah kanan atau kiri dengan bertongkatkan siku atau bersila.*

Hadis ini juga tidak bersifat perintah secara *qat'ī*. Hadis ini merupakan bimbingan daripada Rasulullah SAW untuk mendidik umatnya agar menjadi umat yang beradab dalam setiap kelakuan.

PERANAN NABI MUHAMMAD SAW SEBAGAI MUFTI

Peranan Nabi SAW sebagai seorang mufti antara yang dominan dalam hadis-hadis Nabi SAW kerana tugas seorang rasul adalah untuk menyampaikan wahyu kepada umat manusia. Maka, sesuatu ucapan atau perbuatan yang datang daripada Nabi SAW yang berbentuk fatwa, maka kedudukannya diangkat sebagai hukum *Shara'*.

Diriwayatkan oleh al-Nasā'ī' (2001) bahawa Nabi SAW telah ditanya oleh para sahabatnya berkaitan tata cara untuk mendirikan solat. Sabda Baginda SAW maksudnya: *“Jika kamu berkehendak untuk mendirikan solat, maka ratakanlah wuduk (pada anggota wuduk), hadaplah ke arah qiblat lalu bertakbirlah, maka bacalah mana-mana yang mudah kamu dapati daripada al-Quran, kemudian lakukanlah rukuk serta tamakninah. Kemudian angkatlah kepalamu sehingga kamu kembali berdiri tegak, lalu turunlah untuk bersujud beserta tamakninah. Kemudian bangunlah untuk duduk beserta tamakninah. Kemudian turunlah semula untuk bersujud beserta tamakninah dan bangunlah sehingga kamu berdiri tegak. Lakukan perbuatan ini dalam setiap solat kamu.*

Hadis di atas adalah contoh yang menjelaskan peranan Baginda SAW sebagai seorang mufti. Hal ini kerana lafaz yang keluar daripada Nabi SAW merupakan keterangan berkaitan hukum-hakam agama dan sebuah perintah yang termaktub dalam al-Qur'ān. Oleh hal yang demikian, sesiapa yang tidak mendirikan solat seperti yang telah diajarkan oleh Nabi SAW, maka dia perlu untuk mengulangi perbuatan tersebut (Ibn Hajar, 1960). Sementara Abū Dāud (2001) meriwayatkan daripada 'Abdullah bin 'Abbās, beliau berkata: Seorang lelaki pada zaman Rasulullah SAW telah ditimpa luka yang berat, kemudian dia telah bermimpi (sehingga menyebabkan keperluan untuk mandi wajib). Maka para sahabat yang lain memerintahnya untuk mengangkat hadas besar dengan menggunakan air, lalu dia meninggal dunia akibat perbuatan mandi tersebut. Berita ini telah disampaikan kepada Nabi SAW lalu bersabda yang maksudnya: *“Memadai baginya untuk bertayammum”*.

Hadis ini menjadi sandaran kepada kaedah universal Islam ‘*Al-Masyaqqah tajlib al-Taysir*’ (Al-Qaralah, 2014). Berdasarkan kaedah ini, Ali Haidar menyatakan sesuatu kesukaran menjadi sebab kepada adanya ruang untuk memudahkan perkara tersebut (Al-Qaralah, 2014). Demikian itu, para sarjana beranggapan meninggalkan *masyaqqah* juga termasuk dalam tuntutan agama. Dalam riwayat lain, Muslim (2009) merekodkan hadis daripada Abū Hurairah, sabda Rasulullah SAW:

لَا تَقْدَمُوا رَمَضَانَ بِصَوْمٍ يَوْمٍ وَلَا يَوْمَيْنِ، إِلَّا رَجُلٌ كَانَ يَصُومُ صَوْمًا فَلْيَصُِّمُهُ

Maksudnya: *Dilarang mendahului puasa Ramadan dengan satu atau dua hari berpuasa sebelumnya, melainkan sekiranya seseorang melazimi amalan berpuasa, maka dia boleh untuk berpuasa.*

Hadis di atas juga adalah dalil agama yang menjelaskan larangan *Shara*’ agar tidak berpuasa sama ada satu atau dua hari sebelum tibanya Ramadan (Al-San‘ānī, 2014). Jika diperhatikan, hadis ini menjelaskan kaedah atau tatacara yang diajarkan oleh baginda SAW untuk melakukan ibadah khusus, yakni ia termasuk dalam definisi peranan baginda SAW sebagai mufti. Konsep yang sama ditengahkan oleh hadis berikut. Ibn Majah (2001) meriwayatkan daripada ‘A’ishah RA, sabda Rasulullah SAW:

إِذَا رَمَيْتُمْ وَحَلَقْتُمْ فَقَدْ حَلَّ لَكُمْ الطَّيِّبُ وَكُلُّ شَيْءٍ إِلَّا النِّسَاءَ

Maksudnya: *Sekiranya kalian telah melakukan lontaran (jamrah) dan bercukur, maka telah halal bagi kamu wangian dan semua perkara kecuali wanita.*

Menurut al-San‘ānī (2014), hadis di atas merupakan himpunan dua perkara (melontar jamratul ‘aqabah dan bercukur) yang menghalalkan orang yang berihram daripada perkara-perkara yang terlarang sewaktu berihram kecuali wanita. Menyetubuhi wanita masih kekal pengharamannya sehinggalah selesai tawaf ifāḍah.

PERANAN NABI MUHAMMAD SAW SEBAGAI HAKIM

Menurut Jabbah Jī (t.t) *taṣarrufāt* Nabi SAW sebagai hakim merujuk kepada penilaian perundangan yang diputuskan oleh Nabi Muhammad SAW selepas mendengar hujah dan

qarīnah daripada pihak plaintif dan defendan dalam sesuatu kes yang diangkat kepada Rasulullah SAW. Namun, keputusan yang telah dibuat oleh mahkamah Rasulullah SAW tidak bersifat menyeluruh merangkumi semua pihak kerana keputusan yang dibuat adalah berasaskan dua pihak yang bertelagah di mahkamah tanpa melibatkan pihak lain.

Oleh hal yang demikian, perilaku Nabi SAW ketika menjadi hakim tidak wajar bagi pihak tertentu untuk membelakangkan keputusan yang telah diputuskan di mahkamah Rasulullah SAW. Selain itu, hanya keputusan yang telah dibuat oleh hakim sahaja terpakai dalam kes berkenaan (Al-Qarafi, 2014). Antara hadis yang jelas menerangkan konteks perbicaraan Nabi SAW sebagai seorang hakim termasuklah hadis yang telah al-Bukhari (2009) rekodkan daripada Hindun binti ‘Utbah telah mengadu sikap Abū Sufyān yang berkira-kira dalam memberikan wang perbelanjaan kepadanya. Lalu Nabi Muhammad SAW bersabda: “*Ambillah daripada hartanya sekadar yang mencukupi buat dirimu dan anakmu dengan baik*”.

Berdasarkan hadis di atas, Mālik berpandangan bahawa tidak harus bagi si isteri mengambil harta suaminya tanpa pengetahuannya, melainkan jika setelah mendapat perintah hakim (Al-Qarafi, 2014). Mālik mengklasifikasikan hadis ini di bawah kategori *taṣarrufāt* baginda SAW sebagai seorang hakim. Maka, dapat difahami bahawa ijtihad yang keluar daripada Nabi dalam kes ini hanya merangkumi kes yang melibatkan isu tertentu tanpa melibatkan pihak lain. Pandangan ini berbeza dengan pegangan al-Shāfi’ī yang telah menyatakan bahawa si isteri berhak secara mutlak mengambil daripada harta suaminya tanpa pengetahuan si suami walaupun tanpa perintah daripada hakim (Al-Qarafi, 2014).

Selain itu, Al-Tirmidhī (2001) merekodkan bahawa dua orang sahabat telah mengalami pergaduhan dalam isu berkaitan tanah yang terbiar. Mereka mengajukan masalah ini kepada Nabi Muhammad SAW. Daripada Sa‘īd bin Zayd RA, sabda Rasulullah SAW:

مَنْ أَحْيَا أَرْضًا مَيْتَةً فَهِيَ لَهُ

Maksudnya: *Sesiapa yang menghidupkan tanah yang terbiar, maka tanah itu menjadi miliknya.*

Para sarjana berbeza pandangan dalam menetapkan jenis *taṣarrufāt* dan implikasi hukum yang terbina daripada kefahaman konteks hadis. Menurut mazhab Ḥanafiah, berdasarkan hadis ini, seseorang tidak dibenarkan untuk menghidupkan tanah terbiar melainkan setelah mendapat keizinan daripada pemerintah (atau wakil pemerintah) (Al-‘Uthmani, t.t). Pandangan Ḥanafiah terbina atas kefahaman bahawa konteks hadis di atas menjelaskan peranan Nabi Muhammad SAW sebagai seorang hakim yang memutuskan hukum khusus. Natijahnya, hanya yang mendapat keizinan daripada hakim sahaja yang berhak menghidupkan tanah yang terbiar.

Pandangan ini berbeza dengan jumhur para sarjana dalam daripada mazhab *Mālikiah* dan *Shāfi‘iah*. Pandangan mereka bahawa sesiapa pun berhak untuk mengimarahkan tanah terbiar sekalipun tanpa izin daripada pemerintah (Al-Mausu‘ah al-Fiqhiah, 1993). Hal ini kerana pandangan ini terbina atas dasar kefahaman bahawa ucapan Nabi SAW kepada dua sahabat yang berselisih datang dalam bentuk *taṣarrufāt* atau peranan sebagai mufti kepada sahabat yang memerlukan jawapan kepada persoalan.

PERANAN NABI MUHAMMAH SAW SEBAGAI PEMIMPIN NEGARA

Nabi Muhammad SAW merupakan ketua bagi umat Islam, pengemudi bala tentera dan pemerintah negara Islam (Ahmad Akram Mahmud Robbi, 2019). Menurut al-Uthmānī (2002) *taṣarrufāt* Nabi SAW sebagai seorang pemimpin merupakan peranan Baginda SAW yang bersifat sebagai pemimpin umat Islam, ketua bagi sesebuah negara dan mentadbir untuk mencapai masalah dan menghindarkan *mafsadah*.

Asas pandangan Nabi SAW sebagai pemimpin merujuk kepada keadaan politik, geografi, ekonomi ataupun sosial sesebuah negara. Keadaan negara Madinah pada zaman Nabi SAW tidak sama situasinya seperti negara-negara moden hari ini. Perubahan zaman, geopolitik dan gaya hidup masyarakat telah memberikan kesan terhadap struktur kepimpinan sesebuah negara. Oleh itu, perlu dihayati teks hadis Nabi SAW yang mempunyai hubung kait dengan sifat Baginda SAW sebagai seorang pemimpin. Antara hadis yang menjelaskan sifat Baginda SAW sebagai seorang pemimpin seperti yang diriwayatkan oleh Ibn Majah (2001) daripada Nubaisyah RA, bahawasanya Rasulullah SAW telah bersabda maksudnya: *Aku telah melarang kalian untuk simpan daging korban melebihi tiga hari, (pada hari ini) makanlah dan simpanlah.*

Hadis ini menerangkan larangan bersifat sementara oleh Nabi SAW untuk menyimpan daging korban disebabkan faktor ekonomi semasa. Masyarakat Islam ketika itu berada dalam keadaan susah. Hajat dan keperluan mereka terhadap makanan sangat tinggi. Oleh itu, Nabi SAW mengarahkan daging korban untuk dibahagikan dan melarang para sahabatnya untuk menyimpannya melebihi tiga hari. Ijtihad Nabi SAW berubah selari dengan perubahan zaman dan keadaan ekonomi masyarakat. Ketika taraf ekonomi menunjukkan tanda positif, kehidupan masyarakat semakin baik, maka Nabi SAW membenarkan masyarakat untuk menyimpan daging korban.

Berdasarkan dua ijtihad yang berbeza ini menunjukkan bahawa Baginda SAW melihat secara holistik pertimbangan antara masalah dan mafsadah rakyatnya. Namun begitu, apabila keadaan mendesak kepada perlunya agihan daging kepada golongan fakir, pada ketika itu perlu dirujuk pandangan Nabi SAW yang melarang untuk menyimpan daging. Hal ini seperti yang telah dilakukan oleh ‘Alī dan Ibn ‘Umar (Al-Mubarakfūrī, t.t).

Anas bin Mālik RA berkata bahawa telah berlaku kenaikan harga barangan di Madinah pada zaman Rasulullah SAW, maka para sahabat ketika itu mengadu pada Rasulullah agar ditetapkan harga barangan mereka, lalu Baginda SAW bersabda: *“Sesungguhnya Allah SWT yang menetapkan harga, Dialah yang memegang rezeki, Dia jualah yang membentangkan rezeki dan Dialah yang Maha Pemberi Rezeki. Sesungguhnya aku berharap untuk berjumpa Allah SWT dalam keadaan tiada seorang pun datang untuk menuntut daripadaku kezaliman darah dan harta”* (Al-Tirmidhi, 2001).

Hadis ini merupakan contoh peranan Nabi SAW sebagai seorang pemimpin. Keputusan yang dibuat oleh Rasulullah SAW adalah berdasarkan situasi ekonomi semasa bagi meraikan masalah umum masyarakat, tanpa menzalimi hak penjual. Oleh itu, para pemimpin perlu meraikan masalah kaum muslimin sebagai rakyat yang membeli tanpa mendiskriminasi hak penjual, jika tidak, tema besar reda dalam akad jual beli tidak akan tercapai. Menurut pandangan Mālik, diharuskan untuk pemimpin menetapkan harga barangan jika terdapat masalah yang perlu dicapai. (Al-Ṣan‘ānī, 2014). Hal yang sama disebutkan oleh Ibn Taimiyah (2011) dan dipraktikkan oleh kebanyakan pemimpin negara hari ini. Oleh itu, dalam konteks ekonomi hari

ini, penetapan harga barang yang dilakukan oleh kerajaan terhadap barang asasi seperti beras, gula, tepung dan lain-lain merupakan inisiatif bagi menjaga masalah masyarakat.

Dalam isu pembayaran zakat sebelum cukup tempoh, terdapat hadis daripada Nabi Muhammad SAW yang memberikan *rukhsah* agar dibenarkan untuk zakat dikutip sebelum berlalunya tempoh sepatutnya. Keringanan ini adalah berdasarkan keluasan pandangan Baginda SAW sebagai pemimpin yang menjalankan tugas untuk menjana ekonomi umat Islam. Dalam masalah ini, Ibn Majah (2001) menukilkan riwayat daripada ‘Alī:

أَنَّ الْعَبَّاسَ سَأَلَ النَّبِيَّ ﷺ فِي تَعْجِيلِ صَدَقَتِهِ قَبْلَ أَنْ تَحِلَّ، فَرَحَّصَهُ لَهُ فِي ذَلِكَ

Maksudnya: *Bahawasanya ‘Abbās telah bertanya kepada Nabi SAW dalam hal menyegerakan zakat sebelum tiba tempohnya. Lalu, Nabi SAW memberikan keringanan kepadanya untuk melakukan hal itu.*

Kefarduan zakat tidak dikira sempurna selagi belum cukup tempoh tahunannya. Hal ini seperti yang diriwayatkan dalam hadis lain “*Sesungguhnya tiada kefarduan bagi zakat melainkan setelah cukup tempoh*”. Sebagai pemimpin yang meraikan keperluan rakyat dan masyarakat Islam, maka terdapat pengecualian yang telah diberikan kerana hal tersebut (menyegerakan bayaran zakat) tidak bercanggah dengan perintah umum zakat, selain ia juga dapat meringankan beban pembayar zakat untuk membayar secara berkala bagi mereka yang telah melebihi had yang ditetapkan.

PERANAN NABI MUHAMMAD SAW SEBAGAI INDIVIDU BERJIWA MANUSIAWI

Para sarjana bersetuju dalam meletakkan peranan Nabi SAW sebagai manusiawi merupakan kategori perbuatan yang bersifat *jibilliyah* (Ahmad Akram Mahmud Robbi, 2019). Nabi SAW makan, minum, berkahwin seperti manusia lain dan melakukan amalan-amalan tersebut secara harian. Kedudukan peranan Nabi SAW yang bersifat manusiawi tidak seperti peranan Baginda SAW ketika menerangkan urusan agama seperti hukum-hakam yang melibatkan solat, puasa, zakat dan semisalnya. Hal ini kerana peranan Nabi SAW ini terikat dengan faktor geografi tanah arab dan biologi Nabi SAW yang dilahirkan dalam keluarga berbangsa Arab. Oleh itu, *taṣarrufāt* Nabi SAW yang berkaitan dengan perbuatan *jibilliyah* atau urusan bersifat duniawi tidak termasuk kategori hukum yang disyariatkan (Al-Ashqar, 2009).

Adalah tidak menjadi satu kesalahan untuk beramal secara keseluruhan ucapan atau perbuatan Nabi SAW yang terbina atas dasar *jibilliyah* ini. Terdapat para sahabat yang bersungguh-sungguh mencontohi sunnah Rasulullah SAW walaupun dalam urusan uruf kemasyarakatan dan budaya yang diamalkan oleh Baginda SAW seperti Ibn ‘Umar (Al-Madkūr, 1973). Antara contoh hadis yang menerangkan *tasarrufat* Nabi SAW yang bersifat manusiawi:

1. Diriwayatkan daripada Ibn ‘Umar, bahawasanya seorang lelaki telah bertanya berkaitan daging *ḍab* kepada Rasulullah SAW, jawab Baginda SAW: “*Tidaklah aku memakan daging ḍab tersebut dan tidak pula aku mengharamkannya*”. (Al-Nasā’ī, 2001)
2. Daripada ‘Ā’isyah RA, beliau berkata: *Sesungguhnya manisan dan madu merupakan makanan kegemaran Rasulullah SAW* (Ibn Mājah, 2001).

Hadis di atas adalah contoh bagi merujuk perbuatan Nabi SAW sebagai seorang insani yang memerlukan makanan seperti manusia lain yang berhajat kepada makanan. Tidak memakan daging *ḍab* bukanlah dalil kepada pengharamannya kerana bukan kebiasaan kabilah Quraish menjadikan daging *dab* sebagai santapan mereka seperti yang diriwayatkan oleh Muslim bahawa daging *ḍab* bukanlah makanan yang menjadi kebiasaan Baginda SAW (Muslim, 2009).

Hal yang sama ketika berinteraksi dengan riwayat kegemaran Rasulullah SAW terhadap manisan dan madu. Namun begitu, hal ini bukanlah bukti yang mewajibkan manisan dan madu untuk dijadikan makanan rutin. Nabi SAW bersifat manusiawi dan berbangsa Arab, oleh itu pemakanan dan gaya hidup Baginda SAW haruslah terkesan dengan budaya dan adat Arab.

Sementara hadis *ta’bīr al-nakhal* (Muslim, 2009) Nabi SA. telah memerintahkan agar para sahabat meninggalkan pendebungan antara buah tamar. Namun, buah tamar yang terhasil semakin kurang kualitinya. Melihat kepada keadaan sedemikian, Baginda SAW menarik semula kata-katanya agar ditinggalkan amalan persenyawaan tamar. Sabda Baginda SAW:

أَنْتُمْ أَعْلَمُ بِأَمْرِ دُنْيَاكُمْ

Maksudnya: “Kalian lebih mengetahui urusan dunia kalian.”

Al-Qarḍāwī (2013) menegaskan bahawa disebabkan Baginda SAW bukan dalam kalangan petani, maka hal itu dilihat asing oleh Baginda SAW. Jelas al-Qarḍāwī (2013):

Hadis (Antum a'lamu bi amri dunyakum) telah ditafsirkan oleh sebab penurunannya, iaitu kisah ta'bir al-nakhal. Nabi SAW telah memberikan cadangan berkenaan ta'bir al-nakhal, sedangkan Baginda SAW bukanlah dalam kalangan petani. Baginda SAW dibesarkan di kawasan lembah yang tidak memiliki aktiviti pertanian. Sangkaan orang Ansar bahawa cadangan tersebut adalah wahyu atau urusan berkaitan agama. Justeru itu, mereka meninggalkan amalan ta'bir al-nakhal. Peninggalaan ta'bir al-nakhal memberikan kesan negatif kepada hasil tanaman mereka. Sabda Baginda SAW: “Sesungguhnya itu adalah sangkaanku, maka janganlah diambil daripada sangkaanku” sehingga kepada lafaz hadis “kamu lebih mengetahui urusan dunia kamu”. Demikianlah kisah hadis ini.

Selain itu, hadis-hadis berkenaan perubatan *nabawī* juga dikategorikan sebagai *taṣarrufāt* seorang insan bersifat manusiawi. Baginda SAW pernah ditimpa sakit dan berikhtiar untuk mencari penawar. Begitu juga apabila para sahabat ditimpa sakit, Baginda SAW juga menyarankan penawar yang bersesuaian dengan penyakit tersebut. Perkara ini selari dengan fitrah manusia yang ingin membebaskan diri mereka daripada ancaman penyakit kronik. Lafaz yang keluar daripada ucapan Nabi Muhammad SAW dalam hal-hal perubatan adakalanya datang dalam bentuk perintah dan adakalanya datang dalam bentuk pernyataan. Oleh hal yang demikian, menjadi satu keperluan ketika melalui hadis perubatan *nabawī* agar dibezakan lafaz hadis sama ada yang datang dalam bentuk sunat dan harus, atau sama ada dalam bentuk perintah biasa atau perintah *qaṭ'ī*. Namun, kaedah asal bagi hadis perubatan *nabawī* adalah sesuatu yang jatuh sebagai hukum sunat. (Qasim Umar, 2015).

Hadis-hadis perubatan *nabawī* adalah satu penjelasan daripada Nabi SAW adalah berasaskan *tajribi* atau eksperimentasi. Al-Bukhari (2009) meriwayatkan daripada Abū Hurayrah, sabda Rasulullah SAW:

فِي الْحَبَّةِ السَّوْدَاءِ شِفَاءٌ مِنْ كُلِّ دَاءٍ إِلَّا السَّامَ

Maksudnya: Pada *habbatussauda'* terdapat penawar bagi segala penyakit kecuali kematian.

Selain itu, menerusi riwayat lain, Nabi SAW memerintahkan seorang lelaki agar merawat penyakitnya dengan susu dan kencing unta (Al-Tirmidhī, 2001). Hadis pertama datang dalam bentuk pernyataan, sementara hadis kedua datang dalam lafaz perintah. Sekalipun kedua-dua hadis ini secara umumnya difahami dalam maksud arahan, namun ia tidaklah bersifat perintah muktamad.

Hal ini seperti yang telah dijelaskan bahawa hadis-hadis perubatan *nabawi* adalah sesuatu yang berbentuk eksperimentasi. Oleh hal yang demikian, meskipun pada hadis pertama dinyatakan bahawa *habbatussauda'* adalah penawar bagi segala penyakit, pun begitu di waktu lain, Nabi SAW telah memilih alternatif lain sebagai rawatan bagi penyakit yang lain seperti yang termaktub dalam hadis kedua atau ada ketika Baginda SAW memilih madu sebagai penawar (Al-Bukhārī, 2009).

RUMUSAN

Sebagai penutup kepada kajian ini, adalah dimaklumi bahawa sifat dan peranan Rasulullah SAW dapat difahami melalui kaedah *al-tasarrufat al-nabawiyyah*. Hal ini kerana, pengklasifikasian ini membawa pembaca ke arah memahami objektif di sebalik ucapan atau perbuatan tanpa menolak tepi esensi wahyu Ilahi. Perbezaan sifat dan peranan menyebabkan perbezaan pada natijah hukum yang terhasil daripada lisan dan amalan Baginda SAW disebabkan perbezaan kedudukan *al-Sunnah* dalam pensyariat Islam. Tuntasnya, pendekatan memahami *al-Sunnah* menerusi *al-tasarrufat al-nabawiyyah* merupakan salah satu kunci untuk memastikan kefahaman masyarakat terhadap hadis Baginda SAW seiring dengan makna yang ditujukan tanpa sikap berlebih-lebihan atau mengambil enteng.

RUJUKAN

- Al-Bukhārī. M. I. (2009). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Riyadh: Dar al-Salam.
Al-Mubārakfurī. Ṣ. R. (2013). *Al-Raḥīq al-Makhtūm*. Riyadh: Dar Ibn al-Jawzi.

- Al-Nasā'ī, A. S. (2001). *Sunan al-Nasā'ī*. Riyadh: Dar al-Salam.
- ‘Abd al-Khāliq, A. G. (1995). *Hujjat al-Sunnah*. Herndon: Al-Ma‘had al-‘Alami li al-Fikr al-Islami.
- ‘Ajīn, A. I. (2010). *Al-Mufīd fi Taq‘id fi ‘Ulūm al-Hadīth*. Amman: Dar al-Hamid.
- Ajīn, A. I. (2019). *Al-Mufid fi Taq‘id Ulum al-Hadith*. Terjemahan: Ahmad Akram Mahmad Robbi & Mohamad Faiq Mohamad Sharin. Kuala Lumpur: ABIM Press.
- Abū Dāūd, S. (2009). *Sunan Abū Daud*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Al-Ashqar, M. S. (2009). “*Mada al-Ihtijaj bi al-Ahadis al-Nabawiah fi Shu‘un al-Tibbiyah wa al-‘Ilajah*”, *Majallah al-Sihhah baina al-Turath wa al-Hadathah*.
- Al-Bukhārī, M. I. (1999). *Sahīh al-Bukhārī*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Al-Khattābī, H. M. (1932). *Ma‘alim fi al-Sunan*. Aleppo: Al-Matba‘ah al-‘Ilmiah.
- Al-Mubarakfuri, M. A. (t.t). *Tuhfatul al-Ahwazi bi Sharh Jami‘ al-Tirmidzi*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiah.
- Al-Nasā'ī, A. S. (2009). *Sunan Al-Nasā'ī*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Al-Nawawī, Y. S. (1972). *Al-Minhaj Sharah Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Ihya’ al-Turath.
- Al-Nawawī, Y. S. (2010). *Al-Majmū‘*. Kaherah: Dar al-Hadith, 2010.
- Al-Qarālāh, A. Y. (2014). *Al-Qawa'id al-Fiqhiah wa Tatbiqatuha al-Fiqhiah wa al-Qanuniah*, Amman: Al-Akadimiyun li al-Nashr wa al-Tauzi‘.
- Al-Qardāwī, Y. (2013). *Kaifa Nata‘amul ma‘a al-Sunnah*. Amman: Dar al-Shuruq.
- Al-Ṣan‘ānī, M. I. (2012). *Subulus al-Salām*. Riyadh: Dar Ibn al-Jawzi.
- Al-Uthmānī, S. D. (2002). *Al-Taṣarrufāt al-Nabawiah bi al-Imāmah*. Sibiris: Dar al-Baida’.
- Al-Uthmānī, S. D. (2002). *Al-Tasarrufat al-Nabawiah bi al-Imamah*. Al-Ribat: Manshurat al-Zaman.
- Al-Uthmānī, S. D. (2013). *Al-Dīn wa al-Siyāsah, Tamyīz la Faṣl*. Mansurah: Dar al-Kalimah.
- Haji Muhammad, Q. U. (2015). “*Al-Tibb al-Nabawi wa Qawa'id al-Ta‘amul ma‘a al-Ahadith al-Waridah fi al-Masa'il al-Tibbiyah*”, *Al-Tajdid*.
- Ibn ‘Āshūr, M. T. (2004). *Maqasid al-Shari‘ah al-Islamiah*. Qatar: Wizaratul al-Awqaf wa al-Shu‘un al-Islamiah.
- Ibn ‘Āshūr, M. Ṭ. (2014). *Maqasid al-Shari‘ah al-Islamiah*. Kaherah: Dar al-Salam.

- Ibn Hajar, A. M. (1960). *Fathul al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Majah. M. Y. (2001). *Sunan Ibn Majah*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Ibn Taimiah, A. A. H. (2011). *Majmū'ah al-Fatāwā*. Dar al-Wafa' li al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Ibn Hajar, A. M. (2001). *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Jabbah, J. (t.t). "Maqamat al-Tasarrufat al-Nabawiah", *Majallah Silsilah al-Mabahith al-Usuliah*.
- Madkūr. M. S. (1973). *Manahij al-Ijtihad fi al-Islam fi al-Ahkam al-Fiqhiah al-'Aqa'idiah*. Kuwait: Universiti of Kuwait.
- Mahmad Robbi, A. A. (2019). *Ta'lil al-Nuṣūṣ al-Shar'iah fi al-Ṭibb al-Nabawī: Dirāsah al-Tahliliyah al-Naqdiah*. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Mahmad Robbi, A. A. (2018). "Maqāsid al-Sunnah al-Nabawiah Ghair al-Tashrī'iah", *Al-Tajdid*.